

D091

B B165 AAB
MAHATHIR - SADDAM R'R'R'

KUALA LUMPUR, 11 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI BERKATA BELIAU BERSEDIA UNTUK MENGHUBUNGI PRESIDEN IRAQ, SADDAM HUSSEIN, DALAM USAHA MEMBAWA PULANG RAKYAT MALAYSIA YANG TERKANDAS DI KUWAIT DAN IRAQ.

+ADA CADANGAN SUPAYA SAYA BERCAKAP DENGAN PRESIDEN SADDAM HUSSEIN...KALAU DIA BOLEH DIHUBUNGI DAN HENDAK BERCAKAP DENGAN SAYA, SAYA BERSEDIA,+ KATANYA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI.

KERAJAAN AKAN BERBUAT APA SAHAJA DALAM USAHANYA UNTUK MEMBAWA PULANG RAKYAT MALAYSIA YANG TERKANDAS DI KEDUA-DUA NEGARA ITU, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

KEMENTERIAN LUAR JUGA AKAN MENGUSAHAKAN CADANGAN KELUARGA RAKYAT MALAYSIA YANG TERKANDAS ITU SUPAYA KERAJAAN MENGHUBUNGI PIHAK KETIGA SEPERTI RAJA HUSSEIN DARI JORDAN DAN PRESIDEN PERTUBUHAN PEMBEBASAN PALESTIN, YASSER ARAFAT, UNTUK MENDAPATKAN JASA BAIK MEREKA BAGI MEMBOLEHKAN RAKYAT MALAYSIA MENINGGALKAN KEDUA-DUA NEGERA ITU, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SUNGGUHPUN KERAJAAN TELAH PUN MENGATUR CARA UNTUK MEMBAWA PULANG RAKYAT MALAYSIA YANG TERKANDAS ITU MELALUI ARAB SAUDI ATAU JORDAN, USAHA ITU SUKAR KERANA PERHUBUNGAN YANG TERPUTUS. -- LAGI

1417MST 11 08 90

B B166 AAB
MAHATHIR - SADDAM 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

DUTA IRAQ DI MALAYSIA, HISHAM FAKHRI AL-TABAQCHALI, YANG DIHUBUNGI OLEH KERAJAAN, JUGA TIDAK BOLEH MEMBERI MAKLUMAT MENGENAI KEADAAN RAKYAT MALAYSIA DI SANA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BAGAIMANAPUN, DARIPADA MAKLUMAT YANG DIPEROLEHI DARI KEDUTAAN-KEDUTAAN ASING YANG LAIN, TERUTAMA KEDUTAAN SWEDEN, SEMUA RAKYAT MALAYSIA DI KEDUA-DUA NEGARA TELUK ITU BERADA DALAM KEADAAN SELAMAT, KATANYA.

DALAM KESUNGGUHAN KERAJAAN MEMASTIKAN KEDUDUKAN DAN KEBAJIKAN RAKYAT MALAYSIA DI KEDUA-DUA NEGARA, PERDANA MENTERI BERKATA DUTA MALAYSIA KE IRAQ, ENCIK K.N.NADARAJAH, YANG PULANG KERANA BERECUTI TELAH DIARAH KEMBALI KE BAGHDAD.

+OLEH KERANA KITA PERLU MENGURUSKAN BERMACAM-MACAM PERKARA BERKENAAN RAKYAT KITA YANG BERADA DI KUWAIT DAN IRAQ, KITA TELAH MENGARAHKAN SUPAYA DUTA BERKENAAN SEGERA BALIK KE SANA,+ KATANYA.

SEMASA MENJAWAB SATU PERTANYAAN, BELIAU BERKATA WISMA PUTRA TELAH PUN MENYEDIAKAN PELAN BERTINDAK UNTUK MEMBAWA PULANG RAKYAT MALAYSIA, TERMASUK MENYEDIAKAN PESAWAT KHAS UNTUK TUJUAN ITU. -- LAGI

1433MST 11 08 90

B B167 AAB
MAHATHIR - SADDAM 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI KEADAAN RAKYAT MALAYSIA YANG KINI BERADA DI NEGARA-NEGARA LAIN DI TELUK, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN BELUM MEMBERIKAN ARAHAN SUPAYA MEREKA MENINGGALKAN NEGARA-NEGARA ITU.

+KALAU KITA DAPATI KEADAAN MENJADI LEBIH TEGANG ATAU TANDA-TANDA NEGARA TELUK YANG LAIN AKAN DISERANG, KITA AKAN MENGAMBIL TINDAKAN SEGERA UNTUK MEMBAWA MEREKA PULANG,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA KEADAAN DI KUWAIT BERLAKU KERANA TIDAK ADA SATUPUN NEGARA DI DUNIA YANG MENYANGKA BAHAWA IRAQ AKAN MENYERANG KUWAIT, MENYEBABKAN TIDAK ADA NEGARA YANG SEMPAT MENGELUARKAN RAKYAT MEREKA.

+BUKANLAH KITA SAHAJA YANG TERPERANJAT DAN TIDAK DAPAT MENGAMBIL TINDAKAN TETAPI SELURUH DUNIA, TERMASUK AMERIKA SYARIKAT DENGAN KEUPAYAANNYA DALAM BIDANG PERISIKAN, JUGA TIDAK MENDAPAT MAKLUMAT (MENGENAI SERANGAN IRAQ),+ KATANYA.

SEBAIK SAHAJA SELESAI PERSIDANGAN AKHBAR BERKENAAN, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JELAS KELIHATAN +BIMBANG+ KETIKA MEMPERKATAKAN MASALAH ITU, TELAH MENEMUI KIRA-KIRA 30 KELUARGA MEREKA YANG TERKANDAS. -- LAGI
1435MST 11 08 90

D104

B B174 AAB
MAHATHIR - SADDAM 4 KUALA LUMPUR R R R

BELIAU MEMBERIKAN PENGAKUAN KEPADA MEREKA BAHAWA KERAJAAN SEDANG BERUSAHA MENGAMBIL TINDAKAN UNTUK MEMBAWA PULANG RAKYAT YANG TERKANDAS WALAUPUN MENGHADAPI MASALAH PERHUBUNGAN.

KATANYA, KERAJAAN MELETAKKAN TANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA KE ATAS KERAJAAN IRAQ MENGENAI KESELAMATAN RAKYAT MALAYSIA DI KEDUA-DUA NEGARA.

KEPADA CADANGAN SUPAYA KERAJAAN MENGHANTAR SEBUAH PESAWAT KHAS MEMBAWA PULANG RAKYAT YANG TERKANDAS ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA LANGKAH ITU AKAN DILAKUKAN SEKIRANYA IRAQ MEMBERIKAN KEBENARAN KEPADA PESAWAT MELALUI RUANG UDARA MEREKA.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA PENERBANGAN KE NEGARA ITU TIDAK BOLEH DIADAKAN BUKAN SAHAJA KERANA LAPANGAN TERBANG DI SANA DITUTUP TETAPI JUGA IA BERBAHAYA KERANA IA MERUPAKAN +KAWASAN PEPERANGAN+.

+KALAU DAPAT PERSETUJUAN IRAQ, KITA AKAN HANTAR. TETAPI SEKARANG INI KITA TIDAK ADA LAGI HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN KUWAIT KERANA IRAQ TELAH MENGANGGAP KEDUTAAN KITA DI KUWAIT TIDAK MEMPUNYAI APA-APA STATUS LAGI,+ KATANYA. -- LAGI
1500MST 11 08 90

D106

B B175 AAB
MAHATHIR - SADDAM 5 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMINTA ANGGOTA KELUARGA BERKENAAN SUPAYA BERTENANG MENGHADAPI KEJADIAN YANG TIDAK DISANGKA ITU.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA KEDUTAAN MALAYSIA DI IRAQ TIDAK AKAN DITUTUP SELAGI ADA RAKYAT MALAYSIA YANG TERKANDAS DI SANA DAN BERKATA PARA PEGAWAI KEDUTAAN MERUPAKAN YANG TERAKHIR AKAN PULANG.

PERDANA MENTERI BERKATA ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO MEMBINCANGKAN DENGAN PANJANG LEBAR KRISIS TELUK ITU DAN MENGGESA KERAJAAN SUPAYA MEMBERIKAN PERHATIAN BERAT KEPADA KESELAMATAN RAKYAT MALAYSIA DI SANA.

ROMBONGAN ANGGOTA KELUARGA ITU, YANG DIKETUAI OLEH PEGUAM, MOHAMED ZAID IBRAHIM, MENYERAHKAN SURAT RAYUAN KEPADA PERDANA MENTERI MEMINTA SUPAYA KERAJAAN BERIKHTIAR MEMBAWA PULANG MEREKA YANG TERKANDAS.

MEREKA JUGA MENYERAHKAN SURAT RAYUAN KEPADA PESURUHJAYA TINGGI BRITISH DI SINI, SIR NICHOLAS SPRECKLEY, MEMINTA JASA BAIK NEGARA ITU MEMASTIKAN KESELAMATAN PARA PENUMPANG PESAWAT BRITISH AIRWAYS BA149 YANG TURUT MEMBAWA 49 ORANG RAKYAT MALAYSIA YANG SEKARANG TERKANDAS DI KUWAIT SEMASA DALAM PERJALANAN KE MALAYSIA. -- BERNAMA
1503MST 11 08 90